

"Saya menderita kerana **AIDS.**

Saya ingin menyuarakan
isi hati saya, sayangi
dan simpatilah
insan malang
yang dijangkiti

AIDS."

Anda tidak akan
mendapat AIDS
dengan
menyayangi
pesakit AIDS.



AIDS Boleh Dicegah

Amalkan Cara Hidup Sihat



**Kawan-kawan saya
kini menjauhkan
diri dari saya.**


Pengalaman paling pahit bagi penghidap AIDS ialah semua orang menganggapnya seperti pesakit kusta.

Seorang demi seorang sahabat karib saya menjauhkan diri, kerana takut dijangkiti. Saya tiada tempat mengadu. Itulah yang paling menyiksa jiwa saya.

**Saya tidak diberikan
sebarang tugas oleh
majikan saya.**

Rakan-rakan sekerja saya mengesyaki saya pembawa HIV.

Kerana saya selalu mengambil cuti sakit... saya merasa sangat tertekan. Majikan saya mula tidak mempedulikan saya dan selepas bersemuka, dia menyuruh saya berhenti kerja.





Saya tiada tempat tinggal yang sempurna.

Saya menyesal kerana bersikap jujur dan memberitahu tuan rumah tempat saya menyewa yang saya pembawa HIV..

Tuan rumah saya, yang juga rakan keluarga kami, hanya mendiamkan diri apabila diberitahu. Dalam diam-diam dia telah menukar kunci rumah dan meletakkan barang-barang saya di luar pintu pagar!

Abang saya sendiri tidak mengaku saya adiknya.



Saya sangka abang saya boleh menolong saya.... sekurang-kurangnya untuk memberi saya kerja. Tetapi dia enggan menjawab panggilan saya. Malah, dia memberitahu kakitangannya bahawa dia tidak ada adik perempuan.



tinggal dalam satu rumah

bekerja bersama



Anda tidak akan mendapat
AIDS
dengan...

bermain bersama



sentuhan



Tunjukkanlah kasih sayang dan simpati.
Jangan sisihkan mangsa AIDS.
Ramai yang masih boleh hidup seperti biasa.
Berilah mereka peluang.
Cukuplah dengan penderitaan yang ditanggung
kerana mengidap AIDS.
Jangan burukkan lagi keadaan

**Anda tidak akan mendapat
AIDS dengan menyayangi
pesakit AIDS**

HIV hanya boleh dijangkiti melalui perhubungan seks atau perkongsian jarum suntikan menagih dadah atau daripada ibu yang dijangkiti kepada bayi dalam kandungan.